

29 SEP 2003

Mahathir-Pekerjaan

MALAYSIA KAYA DENGAN PEKERJAAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Malaysia menyediakan banyak peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang dan tidak menghadapi masalah pengangguran, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata bahawa berdasarkan statistik, kadar pengangguran di negara ini adalah kosong peratus.

Berucap merasmikan Berjaya Times Square di sini hari ini, beliau berkata projek seperti itu telah banyak menyumbang kepada ekonomi Malaysia kerana ia menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Dr Mahathir berkata kerajaan gembira kerana selepas sembilan tahun, projek raksasa itu telah disiapkan.

Katanya projek itu mampu menarik pelawat dan pembeli, sama ada dari dalam atau luar negara.

Dr Mahathir berkata ini juga akan menyumbang kepada kemajuan industri pelancongan yang kini merupakan penyumbang kedua terbesar kepada pendapatan negara.

"Projek ini adalah satu lagi tarikan pelancong, satu lagi kompleks membeli belah di Kuala Lumpur," katanya.

Dr Mahathir menyifatkan Berjaya Times Square sebagai "luar biasa" kerana ia adalah yang pertama di Malaysia yang mempunyai taman tema tertutup meliputi kawasan seluas 380,000 kaki persegi.

Ia juga mempunyai panggung Imax yang menawarkan pengalaman menyaksikan tayangan filem menerusi kaedah 3D.

Berjaya Times Square, yang terletak di Jalan Imbi di sini, adalah projek terbesar di dunia yang dilaksanakan dalam satu fasa dan mempunyai lebih 1,000 kedai termasuk penyewa teras, Debenhams, dari Britain.

-- BERNAMA

RV MUN KHY MAI